

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 FEBRUARI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 43

Sektor perkhidmatan hampiri prestasi sebelum pandemik

Sektor perkhidmatan hampiri prestasi sebelum pandemik

Pendapatan tahunan sektor perkhidmatan tahun lalu mencecah RM1.7 trillion, menghampiri era sebelum pandemik, demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata walaupun masih belum melepas pendapatan pada 2019 berjumlah RM1.8 trillion, subsektor maklumat dan komunikasi serta kesihatan swasta sudah melepas hasil sebelum COVID-19 melanda dengan masing-masing mencatatkan 10.5 peratus dan enam peratus.

"Prestasi sektor perkhidmatan pada suku keempat 2021 mere-

kodkan RM460 billion dengan pertumbuhan positif 5.3 peratus tahun ke tahun. Peningkatan dalam sektor perkhidmatan dipacu oleh segmen perdagangan borong dan runcit, makanan serta minuman dan penginapan yang naik 5.1 peratus kepada RM370.1 bilion.

"Ia diikuti segmen pengangkutan dan penyimpanan, maklumat serta komunikasi, segmen kesihatan swasta, pendidikan swasta dan kesenian, hiburan serta rekreasi, masing-masing meningkat 8.2 peratus dan 6.5 peratus kepada RM67 billion dan RM14.3 billion," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Uzir berkata, pendapatan dalam e-dagang melonjak 21.8 peratus kepada RM1.1 trillion tahun lalu.

"Pendapatan e-dagang Malaysia merekodkan RM290.3 billion, peningkatan 18.3 peratus tahun ke tahun pada suku keempat 2021.

"Di samping itu, bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, pendapatan e-dagang meningkat 4.0 peratus. Pertumbuhan e-dagang ini didorong oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan.

"Seiring dengan pertumbuhan itu, prestasi keseluruhan pendapatan e-dagang pada tahun lalu

merekodkan RM1.1 trillion, meningkat 21.8 peratus berbanding 2020," katanya.

Beliau menjelaskan, jumlah pekerja dalam sektor perkhidmatan mencecah 3.7 juta orang, naik sebanyak 52,077 atau 1.4 peratus tahun ke tahun.

"Kenaikan ini disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong dan runcit dengan peningkatan 50,575 orang atau 2.7 peratus, diikuti subsektor pengangkutan dan penyimpanan, meningkat 13,507 orang atau 4.2 peratus.

"Jumlah pekerja juga naik 1.9 peratus suku tahun ke suku tahun atau meningkat 71,021 orang berbanding suku tahun sebelumnya," katanya.

Mohd Uzir berkata, gaji dan upah yang dibayar juga mencatatkan peningkatan sebanyak RM303.7 juta atau 1.2 peratus tahun ke tahun.

"Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong dan runcit yang naik 3.6 peratus kepada RM13.3 billion dan diikuti pengangkutan serta penyimpanan, naik 2.3 peratus kepada RM2.6 billion.

"Sementara itu, bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, gaji dan upah meningkat 3.8 peratus untuk mencatatkan RM25 billion pada suku keempat 2021," katanya.